

AKHBAR : THE SUN DAILY

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : NATIONAL

THE SUN DAILY MIS 3 NATIONAL 8/1/2025 (RABU)

# RM12m illegal cosmetics seized from 2021 to 2024

■ BY KIRTINEE RAMESH  
[newsdesk@thesundaily.com](mailto:newsdesk@thesundaily.com)

**PETALING JAYA:** The Health Ministry seized RM12 million worth of illegal cosmetics in 1,333 raids conducted from 2021 to November 2024.

Its spokesperson said: "In the same period, we received 204 handovers of illegal cosmetics valued at RM3.2 million that were confiscated by police and the Customs Department."

The Pharmacy Enforcement Division also took down 2,144 advertisements of (unapproved) or (banned) cosmetic products in popular e-marketplaces.

"Of the number, 645 advertisements were removed in 2024, which is an increase from the 624 removals in 2023 and 386 in 2022."

The spokesperson said imported pharmaceutical products are required to undergo quality control testing, with manufacturers responsible for

releasing compliant batches.

Product registration holders must submit samples of traditional and pharmaceutical products for testing at recognised National Pharmaceutical Regulatory Agency (NPRA) panel laboratories before registration is approved.

"While the ministry implements strict regulations to ensure imported pharmaceutical and cosmetic products meet high safety and quality standards before reaching consumers, some non-compliant drugs and cosmetic products continue to be available on the market."

Aesthetic dermatology expert and founder of a supplements company Dr Lim Ing Kien said consumers

must check the NPRA notification number on product packaging as it indicates that the product has been approved by the ministry.

"Some illegal cosmetics suppliers or distributors have merely inserted a number to evade detection. To minimise risks, consumers should only buy products from reputable pharmacies or authorised retailers and verify the product status on the NPRA website."

He said the use of banned substances in cosmetics could lead to severe health issues, including organ damage and allergic reactions.

Banned substances include mercury, which is harmful to the kidneys, nerves and skin, or steroids, which require a medical prescription

due to potential side effects.

Other banned substances include tretinoin, a prescription-only acne and anti-ageing medication, antifungal medication such as ketoconazole, and high-dose hydroquinone, which could cause skin darkening and irritation.

He said illegal or unregulated cosmetic products are sustained through online marketplaces that are hard to monitor due to sellers hiding behind fake accounts or using foreign shipping routes to evade detection.

"Unregulated import channels allow products to bypass official checks while mislabelling enables items containing prescription-only ingredients to be sold as cosmetics."

He said limited enforcement resources complicate monitoring, given the high volume of goods entering the country, and stressed the need for stricter inspections and more random sample testing.

Lim said proactive online surveillance involving the government, marketplaces and payment providers could help shut down rogue sellers while encouraging whistleblowers and imposing heavy penalties for repeat offenders could curb the illegal trade.

He also said educating retailers and pharmacies is vital to ensure product safety since monitoring illegal cosmetics is challenging due to limited ministry resources and the large number of brands and online shopping platforms.

According to him, complaints often serve as starting points for the ministry to act while proactive monitoring could improve with artificial intelligence-based web crawlers and additional funding.

He added that providing easy access to product verification via user-friendly websites or apps, in which barcodes can be scanned or notification numbers checked, would empower consumers to make safer purchasing decisions.

"Instead of chasing fast results or relying on miracle cures, we should focus on long-term, science-backed approaches to skincare and health."

"Authorities should take proactive measures by investing in more resources, technology and surveillance to prevent harmful products from reaching consumers," he said.



Lim urged consumers to check the NPRA notification number on product packaging as it indicates that the product has been approved by the ministry. — AMIRUL SYAFIQ/THESUN

**AKHBAR : BERITA HARIAN**  
**MUKA SURAT : 6**  
**RUANGAN : NASIONAL**

BERITA HARIAN M/S 6 NASIONAL 8/1/2025 (RABU)

# Kajian kos perubatan swasta siap bulan depan

## Ibadat&Fadilat

Abu Hurairah RA meriwayatkan Rasulullah SAW bersabda: "Ada tiga doa pasti dikabulkan doanya, tidak diragukan lagi: Doa orang teraniaya, doa orang musafir dan doa orang tua kepada anaknya." (HR Ibnu Majah)

KAWASAN	SUBUH	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
Kangar	6:19	1:28	4:49	7:20	8:34
Alor Setar	6:19	1:28	4:49	7:20	8:34
P. Pinang	6:17	1:28	4:49	7:22	8:36
Ipoh	6:14	1:25	4:48	7:21	8:35
Kuala Lumpur	6:10	1:23	4:45	7:20	8:34
Shah Alam	6:10	1:23	4:45	7:20	8:34
Johor Bahru	5:58	1:14	4:38	7:14	8:28
Kuantan	6:03	1:17	4:40	7:15	8:29
Seremban	6:07	1:21	4:45	7:20	8:34
Bandar Melaka	6:05	1:20	4:44	7:19	8:33
Kota Bharu	6:11	1:20	4:41	7:13	8:23
K. Terengganu	6:06	1:16	4:38	7:10	8:25
Kota Kinabalu	5:15	12:25	3:46	6:18	7:32
Kuching	5:33	12:49	4:13	6:49	8:03

**Kuala Lumpur:** Dapatan awal kajian bebas mengenai inflasi kos perubatan yang dilaksanakan Persatuan Hospital Swasta Malaysia (APHM) akan diketahui hujung bulan ini.

Kajian bermatlamat memahami secara lebih terperinci faktor penyumbang yang mendongrong inflasi kos perubatan di Malaysia.

Presidennya, Datuk Dr Kuljit Singh, berkata kajian terbabit yang digerakkan tahun lalu dijadualkan siap sepenuhnya Februari ini.

"Kami memulakan kajian ini pada tahun lalu dan akan menerima laporan mengenai penemuan awal (kajian) pada akhir bulan ini.

"Buat masa ini, ia masih dalam proses dan sepatutnya (hasil dapatan keseluruhan) dapat dipercayai akhir Februari," katanya kepada BH.

Tambah Dr Kuljit, ketika ini,

perincian mengenai butiran kajian itu belum dapat didedahkan.

Beliau turut berkata, APHM percaya penyelesaian jangka panjang berdasarkan bukti boleh direalisasikan khususnya ke arah penyediaan sistem kesihatan yang lebih efisien dalam negara.

"APHM akan terus menjalin kerjasama erat dengan Kementerian Kesihatan (KKM) untuk mencapai matlamat ini," kata dia.

Kelmanin, APHM dalam satu kenyataan memaklumkan sedang menjalankan kajian bebas bagi mencapai penyelesaian jangka panjang berdasarkan bukti dalam usaha menangani isu inflasi kos kesihatan di negara ini.

Persatuan itu turut menggesa penyelesaian jangka panjang yang kolaboratif, berdasarkan bukti dan bersifat mampan untuk menangani isu inflasi kos

kesihatan di negara ini.

Untuk rekor, isu peningkatan caj hospital dan insurans perubatan yang melambung tinggi sebelum ini hangat diperkatakan, malah ia dibangkitkan beberapa Ahli Parlimen yang meminta supaya KKM mengawal perkara berkenaan.

Sebaliknya, Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad berkata di bawah Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 (Akta 586), KKM hanya berkuasa mengawal yuran konsultasi yang dikenakan pakar perubatan tetapi tidak berkuasa untuk menentukan caj lain yang dikenakan pengendali hospital swasta.

Media sebelum ini turut melaporkan, Persatuan Insurans Hayat Malaysia (LIAM) akan mulai menerbitkan data mengenai kos prosedur di hospital swasta mulai pertengahan 2025 sebagai sebahagian arahan BNM.

**AKHBAR : HARIAN METRO****MUKA SURAT : 18****RUANGAN : LOKAL**

HARIAN METRO M/S 18 LOKAL 8/1/2025 (RABU)

## KK Kuala Sungai Baru masih selamat digunakan

**Melaka:** Klinik Kesihatan (KK) Kuala Sungai Baru masih selamat kerana tiada tanda sebarang masalah struktur walaupun mengalami kerosakan lantai bangunan.

Exco Kesihatan, Sumber Manusia dan Perpaduan negeri Datuk Ngwe Hee Sem berkata, kerosakan itu berlaku kerana terdapat keretakan pada lantai apron bangunan klinik ak-

bat wujud laluan air dari celahan rekahan longkang.

Katanya, situasi itu menyebabkan kelemahan struktur tanah yang menghasilkan mendapan sehingga berlaku kerosakan lantai bangunan terbabit.

Bagaimanapun, katanya, klinik itu masih selamat untuk digunakan.

“Antara cadangan pembaikan termasuk meme-

cahkan keseluruhan longkang dan perimeter dan menambak serta memadatkan material yang bersesuaian sehingga aras yang sepatutnya.

“Sehubungan itu, bajet permohonan menaik taraf bagi kerja-kerja pembaikan kerosakan longkang utama akibat pergerakan tanah dan lain-lain kerja berkaitan turut dipohon bagi mengatasi masalah terbabit,”

katanya.

Beliau yang meninjau kerosakan di klinik itu, baru-baru ini, turut melakukan pemeriksaan kemudahan perkhidmatan yang digunakan orang ramai.

Menurutnya, klinik berkenaan dicadang untuk dilengkapi kemudahan lif bagi meningkatkan lagi mutu perkhidmatan selain memberi keselesaan kepada orang ramai.

**AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA**  
**MUKA SURAT : 19**  
**RUANGAN : FORUM**

UTUSAN MALAYSIA M/S 19 FORUM 8/1/2025 (RABU)



LARANGAN merokok bukan sahaja bagi melindungi kesihatan pekerja tetapi menyumbang secara signifikan kepada kesejahteraan masyarakat dan generasi akan datang.

## Kuatkuasa larangan merokok di semua bangunan tempat kerja

**GABUNGAN** Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA) menyokong sepenuhnya penguatkuasaan larangan merokok di semua bangunan tempat kerja di bawah Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (AKKP) melalui Kod Amalan Kualiti Udara Dalaman 2010. Larangan ini juga dikuatkuasakan selaras dengan Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2024 (Akta 853) dan Perintah Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam (Pengisytiharan Kawasan atau Tempat Larangan Merokok) 2024.

Matlamat larangan ini bagi melindungi semua pihak daripada bahaya asap tembakau. Seramai 27,000 orang maut setiap tahun akibat penyakit yang berpunca daripada pendedahan asap tembakau termasuk asap rokok sekunder.

Bahkan, usaha ini membantu mengurangkan kadar merokok ke arah mendorong mereka untuk berhenti tabiat berkenaan.

Selain itu, ia juga bagi melindungi kanak-kanak. Ini kerana mereka memerlukan orang dewasa merokok sejak bayi lalu terpengaruh dengan tabiat kurang sihat di khalayak awam.

Dalam masa sama, orang awam perlu mematuhi etika merokok termasuk tidak mengajak sesiapa pun, walaupun perokok, kerana mungkin mereka sedang berusaha untuk berhenti merokok.

Begini juga, patuhilah arahan dengan tidak merokok di tempat-tempat yang dilarang dan di hadapan kanak-kanak.

Tindakan Undang-Undang terhadap larangan merokok sejak pelaksanaan Kod Amalan Kualiti Udara Dalaman 2010 dan penguatkuasaan Akta 853, terdapat beberapa pihak telah mencabar perluasan larangan merokok di bangunan tempat kerja atas pelbagai alasan, termasuk keimbangan tentang hak peribadi serta implikasi ekonomi.

Walau bagaimanapun, mahkamah menegaskan kepentingan kesihatan awam adalah keutamaan utama.

FOMCA menyeru semua pihak untuk menghormati keputusan undang-undang ini demi melindungi keselamatan dan kesihatan masyarakat secara keseluruhan.

Umum perlu memahami mengapa larangan merokok di tempat kerja diwujudkan. Antaranya bagi melindungi kesihatan pekerja. Usaha ini dapat menghapuskan pendedahan kepada asap rokok basi yang boleh menyebabkan masalah kesihatan akut dan kronik.

Ia juga dapat meningkatkan produktiviti. Apabila kurang atau tiada asap rokok, pastinya dapat mengurangkan ketidakhadiran ke pejabat akibat penyakit yang berkaitan masalah ini.

Dalam masa sama dapat menurunkan kos. Ini kerana dapat menjimatkan kos penyelenggaraan bangunan dan rawatan kesihatan.

Yang penting, ia juga menyokong persekitaran kerja sihat apabila mesej jelas diberikan tentang komitmen terhadap kesejahteraan pekerja.

Oleh itu, semua majikan diwajibkan untuk memastikan bangunan tempat kerja bebas asap rokok sepenuhnya.

Pemantauan dan penguatkuasaan oleh pihak berkuasa akan ditingkatkan untuk memastikan pematuhan terhadap larangan ini.

Penggunaan papan tanda larangan merokok yang jelas harus diletakkan di semua bangunan tempat kerja sebagai peringatan.

FOMCA memperingatkan agar pekerja mematuhi larangan dengan hanya merokok di kawasan yang ditetapkan di luar bangunan.

Usaha mendidik dan menyedarkan perlu terus diadakan agar orang ramai mengetahui tentang bahaya asap rokok basi.

Dalam masa sama, pihak terlibat perlu mengambil tindakan tegas terhadap pelanggaran peraturan larangan merokok.

Inisiatif ini bukan sahaja melindungi kesihatan pekerja tetapi juga menyumbang secara signifikan kepada kesejahteraan masyarakat dan generasi akan datang dengan mewujudkan persekitaran yang lebih sihat serta mengurangkan beban penyakit yang berkaitan dengan asap rokok.

**MUHAMMAD SHA'ANI ABDULLAH**  
Penyelaras Kawalan Tembakau / Inisiatif @Smoke-FreeMY, Gabungan Persatuan-persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA)

**AKHBAR : SINAR HARIAN**  
**MUKA SURAT : 16**  
**RUANGAN : CETUSAN**

SINAR HARIAN M/S16 CETUSAN 8/1/2025 (RABU)

# Tak mahu kembali lagi ke zaman Covid-19



ANALISIS  
MUKA 16

FARAH NABILA  
MOHAMED SARIS

**C**ovid-19, cacar monyet, influenza, ebola dan pelbagai lagi jenis virus di dunia ini antara yang memberi ancaman kepada manusia. Virus yang menyerang bukan sahaja menjaskan sistem imuniti badan malah sesetengah daripadanya boleh mengancam nyawa si pesakit.

Selepas lebih lima tahun kes pertama Covid-19 dilaporkan di China, negara Asia Timur itu kini berdepan ancaman satu lagi virus menyerang sistem pernafasan iaitu *human metapneumovirus* (HMPV) yang semakin menular.

Di tengah-tengah lonjakan kes sejak pertengahan Disember 2024, pihak berkuala kesihatan di seluruh dunia bertindak memberi amaran tentang wabak tersebut dan menekankan tentang langkah penjagaan kebersihan.

Pentadbiran Kawalan dan Pencegahan Penyakit Kebangsaan (CDC) di Beijing turut menetapkan protokol untuk pelaporan makmal dan pengesahan kes bagi meredakan kebimbangan orang ramai.

Terdapat aduan mengenai hospital penuh sesak dan sistem penjagaan kesihatan yang tertekan akibat penularan partas virus terbabit terutama di kawasan utara China.

Menurut CDC, HMPV yang tergolong dalam keluarga Pneumoviridae dan genus Metapneumovirus adalah virus RNA rantaian tunggal bersifat negatif yang bersampul. Kajian serologi menunjukkan bahwa ia

telah wujud sekurang-kurangnya selama 60 tahun dan tersebar di seluruh dunia sebagai patogen pernafasan biasa.

Kanak-kanak, golongan kurang ketahanan badan dan warga emas lebih mudah terdedah serta cenderung mengalami jangkitan bersama dengan virus pernafasan lain.

HMPV sering menyebabkan gejala selselma biasa seperti batuk, demam, hidung tersumbat dan nafas berbunyi, tetapi dalam kes yang teruk, ia boleh mengakibatkan bronkitis dan radang paru-paru.

Bagi individu yang mempunyai masalah perubatan asas, jangkitan HMPV boleh menyebabkan kematian. Dilaporkan, satu peratus daripada kematian berkaitan jangkitan pernafasan akut dalam kalangan kanak-kanak bawah umur lima tahun boleh dikaitkan dengan HMPV.

Bagaimanapun pada masa ini, tiada vaksin atau ubat yang berkesan untuk HMPV dan rawatan lebih tertumpu pada melegakan gejala.

Di Malaysia, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) pada Sabtu memaklumkan telah mengesan sebanyak 327 sampel positif virus HMPV sepanjang tahun 2024, meningkat berbanding 225 pada tahun 2023.

Namun KKM memaklumkan, ia bukanlah satu penyakit baharu dan di negara ini, jangkitan HMPV tidak wajib dilaporkan atau dinotifikasi mengikut Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342).

Peningkatan jangkitan saluran pernafasan akut pada hujung dan awal tahun adalah fenomena yang dijangka sepenuhnya oleh KKM, selaras dengan peningkatan jangkitan saluran pernafasan yang turut dilaporkan di negara-negara lain terutamanya yang bermusim sejuk seperti China.

Sebagai langkah pencegahan dan kawalan penularan jangkitan, KKM sentiasa membuat pemantauan dari masa ke masa, sama ada di dalam dan luar negara termasuklah kuman yang menyebabkan Covid-19, influenza dan jangkitan saluran pernafasan lain.

Namun yang paling penting, orang ramai perlu beraga-jaga kerana jangkitan saluran pernafasan akan terus wujud dalam komuniti.

Sudah tentu kita tidak mahu kembali ke zaman ketika Covid-19 mengganas di seluruh dunia sehingga menyebabkan kita terpaksa ‘berkurung’ di dalam rumah berikutan pelaksanaan perintah kawalan pergerakan (PKP).

Covid-19 ketika itu bukan sahaja menyebabkan ramai yang kehilangan nyawa orang tersayang, malah ekonomi turut terjejas akibat tidak boleh menjalani kehidupan normal dan sesetengah sektor pekerjaan tidak boleh berfungsi seperti biasa. Banyak industri lumpuh sehingga menyebabkan ramai yang kehilangan pekerjaan.

Mahu atau tidak, kita terpaksa reda ‘hidup’ dan tinggal dengan virus yang sukar dikesan dengan mata kasar ini. Cumá kita boleh membantu meredakan penularan virus dengan sentiasa mengamalkan penjagaan kesihatan seperti kerap membasuh tangan, elak berada di tempat sesak dan memakai topeng muka bagi mereka yang berisiko dan memerlukan.

Jika kita pernah berjaya mengharungi zaman kemuncak Covid-19 selama beberapa tahun, insya-ALLAH kita juga boleh mengawal situasi luar jangka daripada pelbagai virus lain yang muncul selepas ini.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA  
MUKA SURAT : 18  
RUANGAN : FORUM

UTUSAN MALAYSIA M/S 18 FORUM 8/1/2025 (RABU)

# Vape, rokok masih dijual secara terbuka?

**JIKA** saya tidak silap, kerajaan sudah melaksanakan larangan jualan rokok dan vape secara terbuka. Adakah larangan ini secara menyeluruh atau terpakai kepada premis yang menjual vape dan kedai runcit sahaja?

Ini kerana pada pemerhatian saya, masih terdapat premis yang masih menjual vape pakai buang secara terbuka di atas kaunter.

Begitu juga dengan rokok. Rak-rak masih mempamerkan jualan rokok secara terbuka terutama di stesen-stesen minyak.

Sehubungan itu, saya berharap Akta 852 yang dikuatkuasakan sejak 1 Oktober tahun lalu benar-benar digunakan untuk mengawal aktiviti vape dan rokok di negara ini terutama dalam kalangan pelajar sekolah dan remaja.

Kita tidak mahu akta ini sekadar menjadi hiasa sahaja dan penguatkuasaannya sekadar melepaskan batuk di tangga.

Sepatutnya, apabila akta ini diwartakan dan dikuatkuasakan, maka ia diikuti dengan usaha serius dalam memastikan pewartaanya tidak sia-sia.

Jika tidak serius atau tidak mampu melaksanakan penguatkuasaan, biar sahaja seperti sedia kala kerana sekurang-kurangnya rokok dan vape dapat memberikan pendapatan kepada negara.

**TIDAK PUAS HATI**  
Putrajaya

**AKHBAR : NEW STRAITS TIMES**  
**MUKA SURAT : 12**  
**RUANGAN : LIFE & TIMES**

NEW STRAITS TIMES MISI2 LIFE & TIMES 8/1/2025 (RABU)

# Medical interventions for weight loss

**O**BESITY is one of the most pressing health concerns in Malaysia and across Asia.

The National Health and Morbidity Survey 2023 indicates that 54.4 per cent of Malaysians are either overweight or obese. This contributes to the increasing incidence of non-communicable diseases, including diabetes, heart disease and cancer.

Obesity is far more than a cosmetic concern. It is a chronic disease with significant implications for both physical and mental health, says Ara Damansara Medical Centre consultant-general and upper gastrointestinal surgeon Dr Pok Eng Hong.

"It is crucial to understand that this is not just about appearance but about saving lives," he adds.

Obesity is not simply about overeating or a lack of self-discipline. It is a complex condition influenced by a combination of genetic, hormonal imbalances, environmental factors and lifestyle habits.

Dr Pok says many people feel like they have failed when diets and exercise don't work for them. What they don't realise is that their struggle is not just about willpower.


Metabolic and hormonal factors often play a significant role, making weight loss incredibly challenging.

The impact of excess weight also extends beyond physical health, significantly affecting mental wellbeing.

Many individuals struggle with low self-esteem, social isolation and depression, yet the stigma surrounding obesity often prevents them from seeking the help they need.

"Many people believe they have to face this challenge alone, but obesity is a medical condition that requires medical solutions."

For some individuals, traditional weight loss methods such as dieting



Metabolic and hormonal factors often play a significant role, making weight loss incredibly challenging.

PICTURE CREDIT: JCOMP — FREEPIK

and exercise may not be enough. This is where medical interventions offer hope and effective solutions.

There are medications designed to regulate hunger, feelings of fullness and metabolism.

These drugs mimic natural hormones that signal satiety, which helps individuals control portion sizes and achieve significant weight loss, says Dr Pok.

When combined with lifestyle changes, they offer an effective way to break the cycle of weight gain and loss.

Gastric balloons, meanwhile, are a non-surgical, minimally invasive solution for individuals who need help managing their appetite and portion sizes. The procedure involves inserting a balloon into the stomach through the mouth, which is then filled with saline to create a feeling of fullness that suppresses hunger. The balloon is typically removed after

six months to one year.

The gastric balloon is an excellent option for those looking to lose 10-15 per cent of their body weight while making significant lifestyle changes. It serves as a supportive bridge for patients who need extra help without committing to surgery."

## BARIATRIC SURGERY

For individuals with severe obesity (body mass index [BMI] over 35 or those with BMI over 30 with obesity-related health issues), bariatric surgery is often the most effective and long-lasting solution.

Procedures like gastric bypass and sleeve gastrectomy change the digestive system to help limit food intake.

"This isn't just about losing weight. It is about resolving serious health conditions such as type 2 diabetes, high blood pressure and sleep apnea and the benefits are life-changing."

Delaying treatment for obesity can

lead to worse health outcomes and reduced quality of life, he adds.

Many individuals hesitate to seek help, often waiting for the "right time" or hoping for another diet to be effective. But obesity is a progressive condition. The longer you wait, the more complications you may face.

Early intervention not only prevents further damage but also significantly improves your chances of success.

Effective weight management requires a holistic and personalised approach, says Dr Pok.

No single solution works for everyone, and treatment plans should be tailored to each individual's needs, goals and health status. It is essential to find what works best for you.

Medical interventions are not quick fixes either, he cautions. They are tools designed to help you achieve and maintain better health.

meera@nst.com.my



PICTURE CREDIT:  
DAMANSARA MEDICAL CE

*It is crucial to understand that this is not just about appearance but about saving lives.*

Dr Pok Eng Hong